

# 500 PELAJAR BARU MULAKAN PENGAJIAN DI SPE SESI 2007/2008



**S**eramai 500 pelajar baru termasuk 30 orang pelajar asing telah memulakan pengajian mereka bagi semester 2007/2008. Pelajar-pelajar terbabit terdiri daripada pelajar lepasan STPM/Matrikulasi akan mengikuti pelbagai program yang ditawarkan di Sekolah Perniagaan & Ekonomi. "UMS merupakan pilihan pertama saya dan saya bersyukur kerana telah terpilih memasuki UMS dan mengikuti program perakaunan yang saya minati", ujar salah seorang pelajar baru yang ditemui yang bercita-cita menjadi seorang akauntan. Pelajar-pelajar terbabit turut mengikuti program orientasi yang dikelolakan oleh pihak sekolah melalui pelbagai aktiviti yang telah disediakan. Antara aktiviti yang diadakan bagi meraikan pelajar-pelajar baru adalah sesi taklimat oleh pengurusan sekolah, ceramah selain perjumpaan dengan pensyarah program masing-masing. Pelajar-pelajar tersebut turut dibawa melawat kemudahan dan makmal-makmal yang terdapat di sekitar SPE. Sebelum itu, Dekan Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur, dalam ucapannya berpesan kepada pelajar-pelajar baru tersebut agar menumpukan kepada pelajaran sepanjang mengikuti pengajian di UMS. Selain itu turut ditekankan dalam ucapan sempena meraikan kehadiran pelajar-pelajar baru adalah kepentingan menyertai pelbagai aktiviti kemahasiswaan kerana ia dapat memberi nilai tambah kepada kualiti seseorang mahasiswa itu kelak.